

B 8970 AAB
BUBAR - TARIKH R R R R R

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- RAKYAT MALAYSIA AKAN MEMILIH KERAJAAN BARU BAGI TEMPOH LIMA TAHUN AKAN DATANG APABILA MEREKA KELUAR MENGUNDI PADA PILIHAN RAYA UMUM KETUJUH YANG BERMULA 2 OGOS INI.

PILIHAN RAYA BAGI KERUSI-KERUSI PARLIMEN DAN DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI DI SEMENANJUNG DAN KERUSI PARLIMEN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN AKAN BERLANGSUNG PADA 3 OGOS.

PENGUNDIAN BAGI KERUSI-KERUSI PARLIMEN DI SABAH DAN SARAWAK AKAN DIADAKAN SELAMA DUA HARI MULAI 2 OGOS.

TARIKH-TARIKH PILIHAN RAYA ITU DITETAPKAN OLEH SURUHANJAYA PILIHANRAYA SEJURUS SELEPAS PEMBUBARAN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI DI SEMENANJUNG DIUMUMKAN HARI INI OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

DALAM PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI HARI INI Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, TAN SRI HAJI ABDUL KADIR TALIB BERKATA PENAMAAN CALON BAGI SELURUH NEGARA IALAH PADA 24 JULAI.

ARIT DAN NOTIS PILIHAN RAYA AKAN DIKELUARKAN ESOK. TAMBAHNYA. -- LAGI.

202789T 18 07 86

B 8981 AAB

BUBAR TARIKH 2 KUALA LUMPUR

TAN SRI KADIR BERKATA EKORAN PENGUMUMAN PERDANA MENTERI ITU, KESEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI BAGI SEMUA NEGERI DI MALAYSIA, MELAINKAN SABAH DAN SARAWAK TELAH MENASIHATI SULTAN DAN YANG DI-PERTUA NEGERI UNTUK SAMA-SAMA MEMBUBARKAN DEWAN NEGERI PADA TARIKH YANG SAMA.

MENURUTNYA SEJUMLAH 6,964,960 PENGUNDI LAYAK MENGUNDI PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI.

JUMLAH ITU BERDASARKAN DAFTAR PEMILIH 1985 BAGI SEMENANJUNG DAN SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN YANG DISAHKAN PADA 2 JAN 1986 DAN DAFTAR PEMILIH YANG DISAHKAN PADA 2 FEB 1986 BAGI NEGERI SABAH

SEHUBUNGAN DENGAN INI, BELIAU BERKATA PENDAFTARAN PEMILIH DAN PENYEMAKAN DAFTAR-DAFTAR PEMILIH 1986 YANG KINI BERJALAN DAN AKAN BERAKHIR PADA 27 JULAI DITANGGUHKAN MULAI ESOK KEPADA SUATU TEMPOH YANG AKAN DIUMUMKAN KELAK.

INI BERMAKNA NAMA-NAMA MEREKA YANG MENDAFTAR TIDAK AKAN DIMASUKKAN KE DALAM DAFTAR PEMILIH YANG AKAN DIGUNAKAN BAGI PILIHAN RAYA UMUM INI.

BELIAU BERKATA SURUHANJAYA DIPERUNTUKKAN \$11.5 JUTA BAGI MENGENDALIKAN PILIHAN RAYA KALI INI. -- LAGI.

2054MST 18 07 86

D342

U B983 AAB

BUBAR-TARIKH 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PARA PENGUNDI YANG SEDANG MENUNAIKAN IBADAT HAJI DI TANAH SUCI DI MAKKAH, TAN SRI ABDUL KADIR BERKATA SURUHANJAYA TIDAK BERCADANG BAGI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN BAGI MEREKA UNTUK MENGUNDI.

BELIAU BERKATA KEMUDAHAN AGAK SUKAR HENDAK DIBERIKAN DISEBABKAN MEREKA INI, BERJUMLAH KIRA-KIRA 25,000 ORANG, SENTIASA BERGERAK DAN SUSAH HENDAK DIHUBUNGI.

BAGI UNDI SECARA POS, BELIAU BERKATA MASA YANG AGAK SINGKAT KALI INI BERBANDING DENGAN PILIHAN RAYA LEPAS, TIDAK AKAN MERUPAKAN MASALAH BAGI MEREKA YANG MENGUNDI DENGAN CARA INI.

KATANYA, MEREKA YANG MENGUNDI SECARA POS TERDIRI DARIPADA PARA PELAJAR DAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG BERKHIDMAT DI LUAR NEGERI SERTA ANGGOTA POLIS DAN TENTERA YANG BERDAFTAR SEBAGAI PENGUNDI.

KERTAS-KERTAS UNDI MEREKA MESTILAH SAMPAI KEPADA SURUHANJAYA SELEWAT-LEWATNYA PUKUL 5 PETANG 3 OGOS. -- LAGI.
2100MST 18 07 86

U B988 BAH

BUBAR-TARIKH 4 KUALA LUMPUR

BERIKUT IALAH JUMLAH PEMILIH MENGIKUT NEGERI BAGI PILIHAN RAYA UMUM KALI INI:

PERLIS (85,394), KEDAH (598,594), KELANTAN (469,828), TERENGGANU (273,345), PULAU PINANG (522,194), PERAK (954,180), PAHANG (380,979), SELANGOR (763,914).

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (473,640), NEGERI SEMBILAN (298,660), MELAKA (242,913), JOHOR (858,819), WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (12,171), SABAH (423,097) DAN SARAWAK (607,232). -- BERNAMA
2124MST 18 07 86